



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
BAHAGIAN SARAAAN
ARAS 5 & 6, BLOK A, BANGUNAN MKN-EMBASSY TECHZONE
NO. 3200, JALAN TEKNOKRAT 2
63000 CYBERJAYA, SEPANG
SELANGOR DARUL EHSAN
Tel. : 03-83164000
Faks. : 03-83201984/03-83201981
03-83201980/03-83201979/03-83201985
Web : <http://www.jpa.gov.my>



Ruj. Kami : JPA 63/17/4 KLT. 7 (36)

Tarikh : 18 Mei 2010

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Tuan,

KELAYAKAN PEMBAYARAN ELAUN TANGGUNGJAWAB KHAS PEMANDU DALAM PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 5 TAHUN 2008

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Selaras dengan pelaksanaan kenaikan pangkat secara Khas Untuk Penyandang (KUP) bagi Pegawai Kumpulan Sokongan yang telah berkhidmat selama 15 tahun dan lebih, sukacita dimaklumkan bahawa pelaksanaan pembayaran Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu seperti mana yang diperuntukkan melalui perenggan 3 dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2008 dipinda seperti berikut:

- 2.1 Pemandu Kenderaan Gred R3 dan Gred R6 (samada yang dinaikkan pangkat secara biasa atau KUP) yang **dikhususkan** memandu kenderaan-kenderaan seperti berikut:
 - (a) kereta rasmi pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi Gred Utama 'B' dan ke atas serta Gred Khas 'A'; atau
 - (b) ambulans; atau
 - (c) kenderaan yang digunakan oleh Unit atau Bahagian Pencegahan yang terlibat di dalam tugas-tugas operasi pencegahan; atau
 - (d) kenderaan/ jentera yang beratnya melebihi 5000kg.

- 2.2. Pemandu Kenderaan Gred R3 dan Gred R6 yang **tidak dikhususkan** memandu kenderaan-kenderaan seperti di perenggan 2.1(a) hingga 2.1(d) tetapi diarahkan untuk memandu kenderaan-kenderaan tersebut layak dibayar Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu tetapi pembayarannya adalah secara *proportionate* berdasarkan bilangan hari menjalankan tugas tersebut dengan syarat bagi setiap hari tersebut pegawai bertugas tidak kurang daripada empat jam sehari.
3. Selaras dengan itu, hanya Pemandu Kenderaan Gred R3 dan Gred R6 yang **menjalankan tugas** memandu kenderaan/ jentera tersebut sahaja yang layak dibayar Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu.
4. Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk memastikan bahawa syarat pemberian di atas adalah dipatuhi.
5. Peraturan ini berkuat kuasa mulai **1 Jun 2010**.
6. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Edaran ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' MAT ARON BIN DERAMAN)

Timbalan Pengarah Kanan Bahagian Saraan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

☎ 03-83164004

✉ aron@jpa.gov.my

s.k.:

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan